



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

23 JULAI 2025 (RABU)

Pendaftaran Koq Qr Ternakan Bermula 2026

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Melaka Hari Ini	Berita	Online	22 Julai



EXCO Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh. Foto Iqmal Haqim Rosman

SERI NEGERI 22 Julai – Pendaftaran ternakan melibatkan lembu dan kerbau menggunakan sistem kod respons pantas (QR) di negeri ini akan dimulakan pada tahun hadapan.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, inisiatif hasil cetusan idea Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh itu bertujuan untuk memudahkan lagi proses mengenal pasti pemilik ternakan dalam

menyelesaikan pelbagai urusan berkaitan.

“Selewat-lewatnya awal tahun hadapan kita akan melaksanakan inisiatif ini, buat permulaan cuma lembu dan kerbau. Kaedah ini juga melancarkan lagi aspek penguatkuasaan terutama apabila melibatkan aduan ternakan berkeliaran.

“Lembu dan kerbau yang dibiarkan berkeliaran bukan sahaja mengganggu kententeraman awam malah lebih serius lagi apabila mengakibatkan kemalangan

maut,” katanya pada sidang media selepas Persidangan Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Yang Kelima Belas di Seri Negeri, di sini, hari ini.

Mengulas lanjut berhubung perkara itu Dr. Muhamad Akmal berkata, bermula Ogos ini pula pemilik dan penternak diminta untuk mendaftarkan ternakan masing-masing dengan memasang tanda pengenalan fizikal (tagging).

Katanya, perkara itu tidak akan dilaksanakan secara terburu-buru kerana pemilik dan penternak diberi masa antara tiga ke empat bulan untuk berbuat demikian dengan kos yang amat minima.

“Kita akan wajibkan perkara ini, tetapi bagi mengelakkan pemilik atau penternak daripada berasa terbeban kita bercadang untuk tawarkan beberapa inisiatif kepada mereka seperti pendaftaran lesen percuma dan menawarkan harga paling minima untuk ‘tagging’ pada telinga haiwan masing-masing. “Semua ini bukan untuk menghukum tetapi mendidik pemilik dan penternak supaya lebih bertanggungjawab terhadap ternakan mereka,” katanya.-

[MELAKAHARIINI](#)

Perak Tiada Kes Baharu ASF, Ladang Babi Kekal Beroperasi - Exco

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	22 Julai



GAMBAR fail, sekadar hiasan. FOTO NSTP

Ipoh: Kerajaan Perak mengesahkan bahawa tiada kes baharu wabak demam babi Afrika (ASF) sejak 2024 dan situasi semasa adalah terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional negeri A Sivanesan berkata, walaupun negeri jiran Pulau Pinang sedang diserang wabak tersebut tiada sebarang tindakan oleh pihaknya untuk menutup mana-mana ladang babi di Perak.

"Sebenarnya jumlah penduduk yang makan daging khinzir untuk protein adalah lebih kurang 26 peratus di negara kita ini dan kerajaan khuatir jika kita tidak dapat bekalkan daging khinzir ini maka 26 peratus itu iaitu 8 juta penduduk akan balik kepada daging ayam khususnya dan ikan untuk protein.

"Maka ini akan mengancam keadaan daging ayam dengan ikan di pasaran. Sekarang pun daging protein yang paling murah di pasaran adalah ayam. Kalau

kita menghalang penjualan atau pengeluaran daging babi ini, situasi di pasar akan jadi lebih teruk," katanya dalam sidang media di sini hari ini.-[MYMETRO](#)

Tiada Anjing Liar ditanam Hidup-hidup, Semua Ikut SOP - MBI

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	22 Julai



TANGKAP layar video tular yang dikongsikan laman Facebook Malaysia Homeless Animal Movement. FOTO Facebook Malaysia Homeless Animal Movement

Ipoh: Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menafikan dakwaan anjing liar yang ditangkap kemudian ditanam hidup-hidup di Pusat Kurungan Haiwan Lahat, seperti yang tular di media sosial dan portal berita baru-baru ini.

MBI dalam kenyataan menjelaskan tindakan pengebumian haiwan berkenaan merupakan sebahagian daripada prosedur operasi standard (SOP) pengurusan haiwan terbiar yang dilaksanakan mengikut garis panduan ditetapkan pihak berkuasa.

"Semua haiwan yang terlibat telah melalui proses Put To Sleep (PTS) secara berperikemanusiaan, berpandukan garis panduan dan perundangan berkaitan.

"Proses PTS dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perak yang bertanggungjawab dalam aspek kebajikan haiwan, sebelum pengebumian dilakukan setelah pengesahan kematian diperoleh daripada pihak berkenaan," menurut kenyataan itu.

MBI berkata, langkah itu bagi memastikan pengurusan bangkai haiwan dilakukan secara selamat serta menepati piawaian kesihatan awam.

"MBI sentiasa komited untuk melaksanakan pengurusan haiwan terbiar secara beretika, bertanggungjawab dan selaras dengan tatacara agensi berkaitan.

"Sebarang pertanyaan lanjut boleh dirujuk kepada Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan MBI atau JPV Negeri Perak," menurut kenyataan itu.

Semalam, tular dua video berdurasi 15 dan 13 saat di laman Facebook Malaysia Homeless Animal Movement yang memaparkan puluhan anjing liar ditempatkan dalam sangkar di atas sebuah lori milik MBI sekali gus mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan warganet.-

[MYMETRO](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR